



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




## TAJUK ; FALSAFAH PENSYARIATAN IBADAH HAJI



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "FALSAFAH PENSYARIATAN IBADAH HAJI".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	Saya menyeru diri saya dan para hadirin sekalian agar kita sama-sama memperkukuhkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang yang benar-benar berjaya di akhirat kelak hanyalah mereka yang bertakwa kepada Allah SWT.
6	Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT pada tahun ini kita masih diberikan peluang untuk meraikan kedatangan bulan Zulhijjah yang penuh kemuliaan dan barakah. Bulan di mana puluhan ribu umat Islam Malaysia dipilih oleh Allah SWT menyertai jutaan umat Islam seluruh dunia mengerjakan ibadah Haji di Makkah al-Mukarramah.
7	Oleh itu, maka mimbar jumaat hari ini ingin membicarakan khutbah yang bertajuk " <b>FALSAFAH PENSYARIATAN IBADAH HAJI.</b> "



Dalam surah al-Hajj, ayat ke 27 dan 28, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam menyeru kepada seluruh manusia supaya mengerjakan haji di Baitillah al-Haram. Dengan seruan tersebut maka datanglah para jemaah dari seluruh pelusuk dunia berhimpun di Makkah al-Mukarramah mengerjakan ibadah haji setiap tahun. Mereka bukan sahaja datang menunaikan syiar ibadah Haji bahkan mereka dapat menyaksikan pelbagai faedah dan pelajaran yang menjadi falsafah di sebalik pensyariatan ibadah Haji kepada manusia.

8

Sesungguhnya dalam ibadah Haji tersirat beberapa falsafah besar yang wajib dihayati dalam kehidupan harian umat Islam. Antaranya ialah:

**Pertama: Ibadah Haji Merupakan Ikrar Ketauhidan kepada Allah SWT.**

Pada bulan ini umat Islam seluruh dunia datang ke Makkah al-Mukarramah dengan matlamat yang satu. Mereka datang dengan jiwa tunduk patuh kepada kepada Allah SWT. Segala pujian, sanjungan, kenikmatan dan kekuasaan yang mereka miliki semuanya dikembalikan kepada milik Allah SWT. Sepanjang ibadah haji dilaksanakan syiar **لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ شَرِيكَ لَكَ** sentiasa berkumandang dengan penuh semangat. Mereka melaungkan ucapan "*Ya Allah, hamba-MU datang menyahut panggilan-Mu, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, sesungguhnya segala pujian, nikmat dan kerajaan adalah milik kepunyaan-Mu dan tiada ada sekutu bagi-Mu.*"

9

Inilah ikrar ketauhidan mengesakan Allah SWT mengakui sepenuhnya pengabdian diri kepada pemilik dunia dan alam ini. Semuanya hanyalah milik sepenuhnya bagi Allah SWT. Ikrar ini hendaklah menjadi darah daging kehidupan Jemaah Haji dan umat Islam sepanjang zaman.



**Falsafah Kedua** disebalik ibadah haji ialah **Ibadah Haji menyemai roh pengorbanan yang suci.**

Dalam melaksanakan ibadah haji, harta, tenaga dan masa perlu dikorbankan. Keselesaan hidup, ketinggian pangkat, keegoan diri dan keseronokan dunia terpaksa dilupakan. Hanya orang yang benar-benar beriman sahaja yang mampu mengorbankan semua perkara tersebut. Para *hujjaj* yang sanggup mengorbankan perkara-perkara tersebut demi menyahut perintah Allah SWT sudah pasti akan terbentuk dalam jiwa mereka erti dan semangat pengorbanan dalam semua perkara kebaikan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

10

Mereka yakin harta dan apa sahaja yang dimiliki apabila digunakan untuk jalan kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT, kesannya akan semakin bertambahlah keberkatan hidupnya. Mereka yakin dengan janji Allah SWT kepada orang yang menginfakkan hartanya. Allah SWT berfirman dalam Surah Saba' ayat 39:

11

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّزِقِينَ ﴿٣٩﴾

*"Dan apa-apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dialah Pemberi rezki yang sebaik-baiknya."*

12

Begitu juga Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

13

*"Sedekah tidaklah mengurangi harta."*

*(Riwayat Muslim).*



Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan hadis ini berkata, "Kekurangan harta disebabkan infak pada jalan Allah akan ditutup dengan keberkatannya atau ditutup dengan pahala di sisi Allah."

14

**Ketiganya: Ibadah Haji merupakan lambang kesatuan ummah.**

Sesuai yang tidak dapat disangkal lagi bahawa setiap kali kedatangan musim haji, kota Makkah al-Mukarramah akan dibanjiri oleh jutaan umat Islam. Mereka datang dari serata pelusuk dunia, dari pelbagai bangsa dan bahasa. Dari pelbagai warna kulit dan budaya. Ada yang bangsawan dan rakyat biasa. Semuanya datang untuk matlamat yang satu, iaitu melaksanakan syiar ibadah Haji. Mereka semua berwuquf di Padang Arafah yang sama, dengan pakaian yang sama, pada hari yang sama. Mereka bertawaf dan bersa'i di tempat yang sama. Semua ini menggambar bahawa kesatuan fikrah, amalan dan tindakan dalam melaksanakan perintah Allah SWT merupakan tuntutan syarak yang tidak boleh dipandang ringan. Semua perbezaan warna kulit, budaya, bangsa, bahasa dan martabat sosial hanyalah untuk kita berkenal-kenalan. Kerana yang mulia di sisi Allah hanyalah mereka yang lebih ketakwaannya kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat, ayat 13:

15

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ



*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).*

16



Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”

17

Bagi mengakhiri khutbah ini marilah kita fahami dan ambil pengajaran daripada tausiah berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa ibadah haji adalah lambang kesatuan ummah dalam melaksanakan ketaatan dan pengorbanan mentauhidkan Allah SWT dan mengagungkan syiar-Nya.
2. Umat Islam diseru supaya sentiasa mempersiapkan diri untuk berkorban harta, masa dan tenaga demi menyahut perintah Allah SWT serta mendaulatkan syariat-Nya.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa ikhlas dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT dan dalam setiap pengorbanan yang dilakukan supaya mendapat ganjaran dan keredaaan Allah SWT.
- 4.

18

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَذِّنُ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَا تُوكُ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ  
فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾ لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ  
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَلْبَاسَ الْفَقِيرِ

19



"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah,

20

pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.

21

(al-Hajj : 27-28).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعَوْنِ وَالْهُدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22